

**KEPERLUAN PENGUASAAN KEMAHIRAN PENDIDIKAN SENI
VISUAL SEKOLAH MENENGAH UNTUK GURU-GURU SENI DI
SARAWAK**

Soffie Balqis Bernard Abdullah @ Sophy Bernard

Tesis dihantar

Sebagai memenuhi keperluan pengijazahan dalam

Sarjana Sastera Ikhtisas (Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2013

PENGHARGAAN

Saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang memberikan bantuan, kerjasama dan bimbingan sepanjang proses penyelidikan ini dilaksanakan.

Penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Pensyarah Penyelia saya, Dr. June Ngo Siok Kheng di atas bimbingan dan panduan yang amat berguna di sepanjang proses melaksanakan kajian dan penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada Prof. Dr. Hj. Khairul Adlin Azlin Abd. Rahman, di atas panduan dan nasihat tentang kaedah dan statistik penyelidikan bagi meningkatkan keupayaan penyelidikan yang mantap dan berguna. Penghargaan juga kepada Encik Shaik Azhar Bin Shaik Hussain, Prof. Madya. Dr. Nazlina Shaari, En. Sylvester Wielding Jussem dan semua pensyarah Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, yang memberi kritikan-kritikan membina serta teguran yang berterusan ke arah meningkatkan kualiti penyelidikan.

Tidak dilupakan semua warga pendidik di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Kuching, para pengetua dan guru-guru pendidikan seni visual di sekolah-sekolah menengah di seluruh negeri Sarawak yang mengambil bahagian dalam penyelidikan ini. Terima kasih di atas penglibatan dan penyertaan anda semua.

Kepada anak-anak, Danish Akmar Ujang, Dannie Akmar Ujang dan Daniesya Lavender, semoga usaha ini memberikan inspirasi dan motivasi untuk berjaya di masa hadapan.

KANDUNGAN

Penghargaan	i	
Senarai Kandungan	ii	
Senarai Jadual	vii	
Senarai Rajah	x	
Senarai Abbreviasi	xi	
Abstrak	xii	
Abstract	xiii	
BAB 1	Pengenalan	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	3
	1.3.1 Latar Belakang Pengkaji	5
1.4	Objektif Kajian	
	1.4.1 Objektif Umum	6
	1.4.2 Objektif Khusus	6
1.5	Hipotesis Kajian	7
1.6	Batasan Kajian	7
1.7	Rumusan	9

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	10
2.2	Pengertian Kurikulum	10
2.3	Konsep Pembentukan Kurikulum	14
2.4	Hala Tuju Pembentukan Kurikulum	16
2.5	Kepentingan Tahap Penguasaan Kemahiran Dalam Implementasi Kurikulum	17
2.6	Pelan Tindakan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah	18
2.7	Kajian dan Analisis Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Seni Visual	26
	2.7.1 Analisis Pelaksanaan Aspek Formatif	28
	2.7.2 Kajian dan Analisis Aspek Sumatif	35
2.8	Teori-Teori Berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran	72
	2.8.1 Teori Pemikiran Kritis dan Kreatif	73
	2.8.2 Teori Inkuiri dan Penemuan	75
2.9	Rumusan	77

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	78
3.2	Populasi	78
3.3	Reka Bentuk Kajian	80
	3.3.1 Aras Kesahan	80
	3.3.2 Aras Kebolehpercayaan	81
3.4	Prosedur Penyelidikan	82
3.5	Subjek Kajian	83

3.6	Definisi Operasional	83
3.7	Reka Bentuk Instrumen Kajian	88
3.8	Ujian Pilot	93
3.9	Kaedah Menganalisis Data	94
3.10	Rumusan	98
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	98
4.2	Analisis Demografik Responden	98
4.3	Analisis Data Kumulatif	112
4.3.1	Persepsi Terhadap Keperluan Meningkatkan Tahap Kemahiran Dalam Bidang-Bidang Kurikulum Pendidikan Seni Visual	113
4.3.2	Persepsi Terhadap Tahap Penguasaan Kemahiran Mata Pelajaran Dan Aspek Pedagogikal	116
4.3.3	Persepsi Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Seni Visual	119
4.4	Pengujian Hipotesis	123
4.4.1	Hipotesis Nul 1	124
4.4.2	Hipotesis Nul 2	126
4.4.3	Hipotesis Nul 3	127
4.5	Rumusan	129

BAB 5	PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN	
5.1	Pengenalan	130
5.2	Ringkasan Kajian	130
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	131
5.3.1	Pengalaman Mengajar Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual	131
5.3.2	Taburan Pengkhususan Guru-Guru Pendidikan Seni Visual	133
5.3.3	Taburan Pengkhususan Guru-Guru Pendidikan Seni Visual	135
5.3.4	Persepsi Responden Terhadap Tahap Penguasaan Kemahiran Aspek Pedagogikal	138
5.3.5	Persepsi Responden Terhadap Keperluan Meningkatkan Kemahiran Profesionalisme	139
5.3.6	Kecenderungan dan Kewajaran Dalam Pengelolaan Kurikulum Pendidikan Seni Visual di Sekolah Menengah di Negeri Sarawak	141
5.3.7	Hubungan di Antara Tahap Penguasaan Kemahiran Guru, Aspek Pedagogikal dan Implikasinya ke Atas Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Seni Visual	143
5.4	Rumusan	145

BAB 6 KESIMPULAN

6.1	Pengenalan	147
6.2	Rumusan Kajian	147
6.3	Pencapaian Objektif-Objektif Kajian	149
6.3.1	Objektif Kajian 1	149
6.3.2	Objektif Kajian 2	150
6.3.3	Objektif Kajian 3	151
6.4	Pengujian Hipotesis Nul	
6.4.1	Hipotesis Nul 1	153
6.4.2	Hipotesis Nul 2	154
6.4.3	Hipotesis Nul 3	155
6.5	Signifikan Kajian	156
6.6	Cadangan-Cadangan	158
6.6.1	Cadangan kepada Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak	158
6.6.2	Cadangan kepada Pengkaji-Pengkaji di Masa Hadapan	159
6.7	Penutup	162

BIBLIOGRAFI

APPENDIKS A Borang Soal Selidik

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Jumlah Sekolah-Sekolah di Sarawak Yang Terlibat Dalam Kajian	8
Jadual 2.1	Kualiti Pengajaran Mata Pelajaran Pendidikan Seni Sekolah Menengah 1999	45
Jadual 2.2	Status Keseluruhan Mata Pelajaran Pendidikan Seni 1999	45
Jadual 3.1	Saiz Sampel Pada Aras Kesignifikanan $p < .05$ dan $p < .01$	81
Jadual 3.2	Senarai Semak Prosedur Penyelidikan	84
Jadual 3.3	Rumusan Tahap Kebolehpercayaan Soalan Kajian Menggunakan Kaedah Cronbach's Alpha	95
Jadual 3.4	Interpretasi Nilai Kolerasi Pearson	97
Jadual 3.5	Kaedah Statistik Inferensi Parametrik Untuk Pengujian Hipotesis Nul	98
Jadual 3.6	Skala Likert	99
Jadual 4.1	Taburan Bilangan Responden Mengikut Jantina	101
Jadual 4.2	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	103
Jadual 4.3	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual	104
Jadual 4.4	Taburan Tahap Mengajar Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual	106
Jadual 4.5	Taburan Tahap Mengajar Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual	108
Jadual 4.6	Analisis Ujian Anova dan Post Hoc Perbezaan Penempatan Tingkatan Yang Diajar Mengikut Pengkhususan	109
Jadual 4.7	Taburan Frekuensi Tahap Pendidikan Guru-Guru Pendidikan Seni Visual	111
Jadual 4.8	Taburan Pengkhususan Guru-Guru Pendidikan Seni Visual	112
Jadual 4.9	Taburan Status Jawatan Guru-Guru Pendidikan Seni Visual	113

Jadual 4.10	Pemeringkatan Min Skor Sikap Responden Terhadap Keperluan Meningkatkan Tahap Penguasaan Kemahiran Bidang-Bidang Kurikulum Pendidikan Seni Visual	115
Jadual 4.11	Pemeringkatan Min Skor Tahap Keperluan Responden Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Pendidikan Seni Visual	116
Jadual 4.12	Sikap Responden Terhadap Keperluan Untuk Meningkatkan Tahap Kemahiran Mengikut Bidang-Bidang Pendidikan Seni Visual Secara Umum	117
Jadual 4.13	Min Skor Tahap Penguasaan Kemahiran Mata Pelajaran dan Aspek Pedagogikal	118
Jadual 4.14	Pemeringkatan Min Skor Tahap Kemahiran Mata Pelajaran dan Aspek Pedagogikal	119
Jadual 4.15	Min Skor Tahap Persetujuan Responden Mengikut Bidang-Bidang Kurikulum Pendidikan Seni Visual	119
Jadual 4.16	Rumusan Skor Min Aspek Kemahiran Pedagogikal	120
Jadual 4.17	Tahap Persetujuan Responden Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pengurusan Kurikulum Pendidikan Seni Visual	122
Jadual 4.18	Pemeringkatan Min Skor Tahap Persetujuan Responden Dalam Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pengurusan Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual	122
Jadual 4.19	Min Skor Tahap Persetujuan Responden Dalam Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Seni Visual	123
Jadual 4.20	Pemeringkatan Min Skor Mengikut Tingkatan Yang Diajar	127
Jadual 4.21	Hubungan Skor Min Antara Faktor Pengkhususan Guru Dengan Tanggapan	128

Jadual 4.22	Hubungan Skor Min Antara Faktor Pengkhususan Guru Dengan Tanggapan Sukar Mengintergrasi Aspek Teori dan Amali	130
Jadual 4.23	Pemeringkatan Min Skor Perbezaan Tanggapan Terhadap Kesukaran Mengintergrasi Aspek Teori dan Amali Kurikulum Pendidikan Seni Visual	130

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Populasi Kajian Berdasarkan Prosedur Persampelan Kelompok	7
Rajah 2.1:	Hubungan di Antara Tahap Pencapaian dengan Tahap Kebolehan, Motivasi dan Iklim Persekitaran	53
Rajah 2.2	Satu Urutan pengajaran Konstruktivisme oleh Driver (1988)	64
Rajah 2.3	Komponen-Komponen Empat Kemahiran berfikir Secara Kritis	76
Rajah 2.4	Model Inkuiri Latihan Schlenker (1976)	77
	Kesan Pengajaran dan Pembelajaran	
Rajah 3.1	Proses Membina Item Instrumen Pengukuran Untuk Merekod Maklumat	93
Rajah 4.1	Taburan Peratus Responden Mengikut Jantina	102
Rajah 4.2	Skor Min Purata Berdasarkan Taburan Ke kerap an Tahun Pengalaman Mengajar Guru	103
Rajah 4.3	Skor Min Purata Berdasarkan Frekuensi Tahun Pengalaman Mengajar Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual	105
Rajah 4.4	Taburan Ke kerap an Mengajar Mata Pelajaran Selain Pendidikan Seni Visual	107
Rajah 4.5	Skor Min Tingkatan Yang Diajar	109
Rajah 4.6	Skor Min Tahap Pendidikan Guru-Guru Pendidikan Seni Visual	111
Rajah 4.7	Skor Min Status Jawatan Guru-Guru Pendidikan Seni Visual	114
Rajah 4.8	Plot Min Penempatan dan Pengurusan Tenaga Pengajar Mengikut Pengkhususan	126
Rajah 4.9	Plot Min Perbezaan Tanggapan Terhadap Kesukaran Mengintergrasi Aspek Teori dan Amali Kurikulum Pendidikan Seni Visual	131
Rajah 5.1	Perbandingan Pengalaman Mengajar Guru-Guru Seni	134
Rajah 5.2	Taburan Pengkhususan Guru-Guru Seni	135

SENARAI ABBREVIASI

BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
KLSM	Kurikulum Lama Sekolah Menengah
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
NBPTA	<i>The National Board of Profesional Teaching Standards</i>
SPSS	<i>Statistical Package for the Socian Sciences</i>
SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia

ABSTRAK

KEPERLUAN PENGUASAAN KEMAHIRAN PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH MENENGAH UNTUK GURU-GURU SENI DI SARAWAK

SOFFIE BALQIS BERNARD BT ABDULLAH @ SOPHY BERNARD BETTI

Kajian ini adalah berkaitan dengan analisis ke atas keperluan penguasaan kemahiran kurikulum pendidikan seni visual sekolah menengah di negeri Sarawak. Fokus kajian ialah ke atas faktor-faktor keberkesanan dalam pelaksanaan kurikulum pendidikan seni visual. Faktor pertama ialah penyungguhan sendiri responden untuk memperolehi kemahiran, faktor kedua ialah tahap penguasaan kemahiran bidang-bidang dalam pendidikan visual, faktor ketiga ialah tahap pemahaman responden dalam sukatan kurikulum pendidikan seni visual, faktor keempat kemudahan dan prasarana dan ke lima kecenderungan dan kewajaran dalam pengelolaan dan pengurusan tenaga pengajar di peringkat sekolah. Responden kajian terdiri daripada 289 orang guru-guru pendidikan seni visual daripada 55 buah sekolah menengah yang dipilih berdasarkan Prosedur Persampelan Kawasan Pelbagai Lapisan di seluruh bahagian di negeri Sarawak. Data-data dianalisis menggunakan kaedah Statistik Deskriptif, Pekali Kolerasi Pearson dan ujian Post Hoc Anova Sehalu. Hasil kajian menunjukkan daripada 289 responden, 105 (36.3%) adalah guru yang mempunyai kelayakan major dalam pendidikan seni, 21 (7.3%) mempunyai kelayakan minor dalam pendidikan seni, manakala 163 (56.4%) adalah guru yang tidak mempunyai pengkhususan dalam mata pelajaran pendidikan seni. Skor min yang diperolehi bagi aspek penyungguhan sendiri menunjukkan keperluan responden untuk meningkatkan penguasaan kemahiran dalam semua bidang adalah tinggi. Skor min bagi tahap penguasaan kemahiran menunjukkan responden mempunyai tahap kemahiran tinggi dalam bidang reka bentuk dan kraf tradisional, manakala dalam bidang lukisan, catan, arca, cetakan, komunikasi visual, multimedia dan apresiasi seni tahap kemahiran responden adalah sederhana sahaja. Tahap persetujuan responden juga tinggi dalam pernyataan bahawa kurikulum pendidikan seni terlalu luas ($M=3.70$), masa tidak mencukupi untuk menghabiskan semua sukatan ($M=3.63$), peralatan dan kemudahan tidak mencukupi ($M=4.08$), dan sukar untuk mengintergrasi aspek teori dan amali ($M=4.44$). Skor sederhana diperolehi bagi pernyataan sukar untuk memahami sukatan kurikulum ($M=2.95$). Seterusnya pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dicadangkan supaya menempatkan guru-guru berkemahiran tinggi untuk mengajar pendidikan seni visual serta memantau kecenderungan pihak sekolah dalam pengurusan dan pengagihan tenaga kerja yang mengajar mata pelajaran pendidikan seni visual.

ABSTRACT

THE NEED TO MASTER THE SKILLS IN VISUAL ART EDUCATION FOR SECONDARY SCHOOL ART TEACHERS IN SARAWAK

SOFFIE BALQIS BERNARD BT ABDULLAH @ SOPHY BERNARD BETTI

This research is based on an analysis carried out on the implementation of the visual arts curriculum for secondary schools in Sarawak. The research focused on the factors of effectiveness in the implementation of visual arts curriculum. The first factor was on self motivation of the respondents in acquiring the skills. The second factor was the level achieved in mastering the skills relating to visual arts curriculum. The third factor was the respondents level of understanding visual arts curriculum. The fourth factor was facilities and infrastructure and the last factor was interest and needs suitability in organizing and managing the teaching power at the school level. The respondents were 289 visual arts teachers from 55 secondary schools. They were selected based on Multi Group Area Sampling Procedure (Prosedur Persampelan Kawasan Pelbagai Lapisan). The data was analysed using the Descriptive Statistic Method, Pearson Correlation System and Post Hoc Anova Test. The findings of this research shows that; out of 289 respondents, 105 (36.3%) were teachers who major in Arts Education, 21 (7.3%) who minor in Arts Education whilst 163 (56.4%) teachers did not have any qualification in Arts Education. The mean score obtained for the aspect of needs of the respondents to improve their skills in the field was high. The mean score for the skill achievement level shown that the respondents were highly skillful in designing and traditional crafts, whilst in drawing, painting, sculpture, printing, visual communication, multimedia and arts appreciation; the respondents were moderately skilled. The level of respondents perception was also high on the statement that arts curriculum was too wide ($M=3.70$), not enough time to complete the syllabus ($M=3.63$), lack of equipments and facilities ($M=4.08$) and difficult to integrate theory and practical aspect ($M=4.44$). There was a moderate score for the statement difficult to understand the curriculum syllabus ($M=2.95$). Therefore the Sarawak Education Department is recommended to post the highly skilled teachers to teach visual arts education and to monitor the school authority in the distribution of the workforce in teaching visual arts education.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pengenalan

Mata pelajaran pendidikan seni telah diperkenalkan di sekolah-sekolah di Malaysia sejak zaman pemerintahan British lagi dan berkekalan hingga ke hari ini. Pada ketika itu mata pelajaran ini dikenali sebagai Lukisan. Dalam Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM), mata pelajaran lukisan kemudiannya ditukar kepada Seni Lukis dan Pertukangan Tangan. Mengikut Kementerian Pelajaran Malaysia (1979), sukatan pelajaran seni lukis bertujuan untuk memupuk perasaan menghargai, penikmatan nilai keindahan, kemahiran mencipta disamping mengadakan asas yang kukuh bagi perkembangan budaya. Implikasi dari Laporan Jawatankuasa Kabinet pada tahun 1979, telah menyebabkan KLSM ditukar kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mulai tahun 1989. KBSM dibentuk berasaskan beberapa faktor utama yang menitikberatkan kehendak individu, negara dan sarwajagat. Menurut Mok (2005) kandungan sukatan pelajaran KBSM membolehkan pelajar-pelajar memperkembangkan potensi mereka secara menyeluruh dan seimbang, aktiviti dan kemahiran yang disediakan membolehkan mereka menyumbang tenaga untuk keperluan negara.

Menurut Ahmed Ghazali Hassan (2001), struktur kurikulum pendidikan seni mengandungi matlamat, objektif, panduan nilai dan organisasi kandungan. Pendidikan seni sekolah menengah secara amnya mempunyai matlamat untuk melahirkan individu yang imaginatif, kreatif, berpengetahuan serta peka terhadap ciri-ciri estetik. Ini adalah

bagi membolehkannya mengamalkan pertimbangan kesenian dalam kehidupan sehariannya. Objektif pembelajaran pendidikan seni adalah untuk membolehkan pelajar meningkatkan kefahaman tentang asas seni reka, menghasilkan karya seni, menghargai keindahan alam, menghargai sumbangan tokoh seni dan kraf serta menyedari jenis kerjaya dalam bidang seni. Penilaian dalam pendidikan seni KBSM adalah secara berterusan dan ianya boleh dijalankan secara formal atau tidak formal. Aspek penilaian termasuklah menguji kefahaman secara bertulis, menilai folio dan hasil kerja, membuat pelaporan, membuat tindakan susulan, amalan nilai murni dan penilaian sendiri oleh pelajar. Kriteria dalam penilaian hasil kerja pula adalah seperti gubahan, interpretasi, kemahiran, fungsi, keaslian, kreativiti dan kemas.

Dalam Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual yang diterbitkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2003), mulai tahun 2003, kandungan kurikulum pendidikan seni telah diperingkatkan. Mata pelajaran ini dikenali sebagai Pendidikan Seni Visual. Penilaian merangkumi Kertas 1 (Teori Seni), Kertas 2 (Menggambar) dan Kertas 3 (Kajian Rekaan Seni Visual). Penekanan adalah kepada pencapaian aspek kognitif, psikomotor dan afektif.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan kefahaman tentang perlunya menilai kurikulum bagi mendapatkan maklum balas yang berguna sama ada untuk penambahbaikan atau pengubahsuaian. Fokus kajian adalah dengan membuat analisis ke atas faktor-faktor keberkesanan pelaksanaan kurikulum pendidikan seni visual di sekolah-sekolah menengah di negeri Sarawak serta mendapatkan maklumat dan maklum balas tentang

senario implementasi sebenar di peringkat sekolah. Keberkesanan pelaksanaan kurikulum dikaji berdasarkan dua aspek iaitu faktor kualiti guru, yang melibatkan rangsangan kreativiti dan halangan kreativiti, aspek kecenderungan dan kewajaran dalam pengelolaan kurikulum serta analisis yang mengkaji implikasinya ke atas pelaksanaan kurikulum pendidikan seni visual.

1.3 Penyataan Masalah

Kurikulum pendidikan seni visual sekolah menengah disusun berdasarkan kandungan yang dibahagikan kepada Penghasilan Seni Visual dan Sejarah dan Apresiasi Seni Visual. Bidang Penghasilan Seni Visual menyediakan peluang kepada pelajar mengaplikasikan kefahaman mereka untuk menghasilkan kerja seni berdasarkan asas seni reka dalam pelbagai teknik. Bidang Sejarah dan Apresiasi Seni Visual memberi peluang kepada pelajar membuat kajian pemahaman terhadap hasil seni visual dalam budaya tempatan, kebangsaan dan Negara ASEAN serta negara tertentu yang mempunyai kesamaan dan kelainan dengan budaya kebangsaan.

Manakala Hassan Sulaiman (2001) dalam laporan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan 1999 menyatakan hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan ke atas 32 buah sekolah menengah dalam 265 pemerhatian ke atas sesi pengajaran dan pembelajaran mendapati skor purata min bagi keseluruhan aspek ialah 3.2 (64.2 %) iaitu pada tahap Kurang Berkesan. Keadaan ini menurut beliau menggambarkan pertalian kolerasi hubungan sebab akibat di antara kualiti pengurusan pengajaran yang seterusnya mempengaruhi kualiti pembelajaran. Beliau menggariskan isu-isu kritikal yang menjejaskan kualiti pendidikan seni di sekolah ialah:

- Aspek kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif belum dapat dijelmakan dalam proses pembelajaran.
- Aspek merakam pengalaman dalam bentuk lakaran atau sketsa belum dapat dijadikan amalan.
- Murid belum menguasai kemahiran belajar.
- Pelajar belum mampu mengembangkan daya persepsi visual dan daya imaginasi dalam menghasilkan karya yang inovatif dan kreatif.
- Murid kurang yakin dalam membuat apresiasi dan kritikan seni.
- Guru kurang berpengalaman dan tidak menguasai kemahiran mata pelajaran.
- Pengajaran hanya diukur berdasarkan *output* produk, bukan berdasarkan proses pendidikan yang mementingkan pengalaman kurikulum sebenar.
- Guru hanya mengajar tajuk dan sukatan yang digemari sahaja kerana menganggap sukatan kurikulum Pendidikan Seni Visual terlalu luas.
- Lebih 70 peratus guru mengajar berpusatkan guru, bukannya berdasarkan proses inkuiri penemuan atau penerokaan seperti yang disarankan.

Isu-isu dan masalah yang dinyatakan dalam tinjauan yang dijalankan di atas menggambarkan kurikulum pendidikan seni masih perlu dinilai secara berterusan terutamanya dalam aspek pelaksanaan. Kajian perlu memperincikan masalah-masalah secara sistematik dalam aspek kualiti guru, kualiti murid, proses pelaksanaan dan kemenjadian murid.

1.3.1 Latar Belakang Pengkaji

Isu-isu yang diutarakan oleh para penyelidik sebelum ini merupakan rumusan kepada permasalahan yang dihadapi oleh pengkaji sendiri. Pengalaman mengajar mata pelajaran pendidikan seni visual selama 10 tahun di sekolah menengah mendapati isu-isu utama dalam pelaksanaan kurikulum pendidikan seni visual ialah:

- Penempatan guru-guru bukan opsyen pendidikan seni visual untuk mengajar subjek tersebut
- Tanggapan bahawa mata pelajaran pendidikan seni visual kurang menarik, kurang berfaedah dan tidak penting
- Menawarkan subjek pendidikan seni kepada kelas-kelas yang agak lemah
- Tidak menawarkan subjek pendidikan seni visual kepada kelas-kelas yang berprestasi tinggi walaupun ramai pelajar berbakat dan ini merupakan satu pembaziran bakat yang terkubur begitu sahaja
- Kemudahan peralatan yang tidak mencukupi untuk melaksanakan pelbagai aktiviti kerana kekurangan peruntukan
- Kekurangan dari segi infrastruktur dan prasarana di sekolah seperti bilik seni, ruang galeri, mesin dan bengkel

Permasalahan yang dihadapi oleh pengkaji merupakan permasalahan biasa yang dihadapi oleh ramai guru pendidikan seni dan banyak kali dibincangkan secara tidak formal semasa menghadiri mesyuarat, bengkel atau kursus dalam kalangan guru-guru seni itu sendiri. Permasalahan yang dihadapi oleh pengkaji telah mencetuskan tiga persoalan kajian yang utama:

- Adakah guru-guru pendidikan seni visual di sekolah-sekolah menengah di negeri Sarawak dapat mencapai tahap penguasaan kemahiran profesionalisme seperti yang dibekalkan bersama kurikulum pendidikan seni visual?
- Bagaimanakah kecenderungan dan kewajaran dalam pengelolaan kurikulum pendidikan seni visual di sekolah menengah di negeri Sarawak?
- Adakah tahap penguasaan kemahiran profesionalisme guru dan kecenderungan dalam aspek pengelolaan mempunyai implikasi ke atas pelaksanaan kurikulum pendidikan seni visual?

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Objektif Umum

Secara umumnya kajian ini dijalankan bagi tujuan:

Menilai aspek tahap penguasaan kemahiran dalam mata pelajaran pendidikan seni visual untuk guru seni serta implikasinya ke atas pelaksanaan kurikulum pendidikan seni visual di sekolah menengah.

1.4.2 Objektif Khusus

Kajian ini dijalankan bagi tujuan-tujuan berikut:

- i. Mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran profesionalisme guru dalam isi kandungan kurikulum pendidikan seni visual sekolah menengah
- ii. Mengkaji kecenderungan dan kewajaran dalam pengelolaan kurikulum pendidikan seni visual di peringkat sekolah

iii. Menilai faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan kurikulum pendidikan seni visual sekolah menengah.

1.6 Hipotesis Kajian

H1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor pengkhususan guru dengan dengan kecenderungan dalam pengurusan dan penempatan tenaga pengajar.


H2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor pengkhususan dengan tanggapan kurikulum pendidikan seni visual sekolah menengah terlalu luas, sukar difahami dan masa tidak mencukupi untuk menghabiskan sukatan kurikulum.

H3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor pengkhususan dengan tanggapan sukar untuk mengintergrasikan aspek teori dan amali.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas 55 buah sekolah menengah di negeri Sarawak menggunakan kaedah Prosedur Persampelan Kelompok. Pengiraan Cohen digunakan untuk populasi subjek kajian bersaiz lebih kurang seribu. Dalam Prosedur Persampelan Kelompok, untuk memastikan saiz sampel yang berpadanan dengan saiz populasi, penentuan dibuat berdasarkan Jadual Saiz Sampel Pada Aras Kesignifikan $p < 0.05$ dan $p < 0.01$. Bagi penentuan saiz sampel menurut Cohen (2001), pengiraan dibuat berdasarkan bilangan sampel yang diperlukan dengan menggunakan nisbah 4:1 bagi kuasa .80 (mengawal ralat jenis II) dan aras kesignifikan .05 (mengawal ralat jenis I).

Perbincangan lanjut tentang justifikasi Prosedur Persampelan Kelompok akan dibuat dalam Bab 3 bahagian Metodologi Kajian.



Rajah 1.1 Populasi Kajian Berdasarkan Prosedur Persampelan Kelompok

Jadual 1.1 Jumlah Sekolah di Sarawak Yang Terlibat Dalam Kajian

Bahagian/Daerah	Jumlah Sekolah
Bahagian Kuching	12
Bahagian Sri Aman	9
Bahagian Sibu	10
Bahagian Miri	10
Bahagian Limbang	8
Bahagian Sarikei	4
Bahagian Kapit	2
Bahagian Bintulu	1
Bahagian Samarahan	2
Bahagian Betong	2
Jumlah Keseluruhan	55

1.9 Rumusan

Bab ini memperkenalkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, batasan kajian, kepentingan kajian, objektif kajian dan juga soalan-soalan kajian. Selain itu definisi terma-terma dalam bidang pendidikan juga dihuraikan dengan merujuk kepada konteks kajian. Perbincangan tentang faktor-faktor keberkesanan pelaksanaan kurikulum, penekanan dalam pengelolaan kurikulum dan teori-teori yang menyokong keberkesanan pelaksanaan kurikulum akan dibincangkan di dalam Bab 2.

BAB 2

SOROTAN KEPUSTAKAAN

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan konsep yang berkaitan dengan pembentukan dan pelaksanaan kurikulum pendidikan serta analisis ke atas pelan-pelan perancangan kurikulum yang telah dirangka oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Kajian juga meliputi analisis ke atas pelaksanaan kurikulum berdasarkan kajian-kajian yang telah dibuat sama ada di dalam atau di luar negara. Perbincangan di dalam setiap aspek adalah merujuk kepada dapatan kajian lepas, kertas kerja untuk mesyuarat, seminar dan persidangan, rencana, surat-surat pekeliling kerajaan, teori-teori pengurusan, panduan-panduan piawaian kualiti pengurusan dan sumber dari internet.

2.2 Pengertian Kurikulum

Menurut Laporan Jawatan Kuasa Kabinet (1979), dalam konteks Malaysia, kurikulum boleh didefinisikan sebagai semua perancangan pendidikan yang dilaksanakan oleh sekolah atau institusi pendidikan adalah untuk mencapai matlamat pendidikan. Kurikulum mengandungi dua aspek iaitu sukatan dan kandungan mata pelajaran dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan kokurikulum seperti sukan, persatuan dan unit beruniform. Pakar pendidikan seperti Kerr *et.al* (1968) mendefinisikan kurikulum sebagai semua jenis pembelajaran yang dirancang dan dipandu oleh sekolah sama ada dalam kumpulan atau secara individu, di dalam atau di luar sekolah.